

1. Sindiket yang menjual cakera padat cetak rompak di _____ itu berjaya ditumpas _____ oleh pihak berkuasa.

- ☐ A jagat raya
- ☐ B duit minyak
- ☐ C pasar gelap
- ☐ D gulung tikar

2. Pengemis di bawah jambatan itu memangku bayinya yang berusia enam bulan sambil _____.

- ☐ A meminta diri
- ☐ B menagih janji
- ☐ C meminta maaf
- ☐ D meminta sedekah

3. Tujuan _____ itu diadakan adalah untuk mendapatkan reaksi orang ramai tentang kos sara hidup masa ini.

- ☐ A kaji selidik
- ☐ B soal siasat
- ☐ C soal jawab
- ☐ D maklum balas

4. Sebaik-baik sahaja pembedahan dijalankan, perasaan saya berdebar-debar menunggu ibu di luar _____ itu.

- ☐ A bilik air
- ☐ B bilik tidur
- ☐ C bilik bedah
- ☐ D ruang tamu

5. Semangat _____ amat penting dalam persahabatan agar hubungan itu bertambah erat.

- ☐ A pandu uji
- ☐ B daya cipta
- ☐ C tahan lama
- ☐ D setia kawan

6. Kita hendaklah menjaga keamanan di kawasan perumahan demi ketenteraman _____.

- ☐ A jiran tetangga
- ☐ B sanak saudara
- ☐ C sahabat handai
- ☐ D masyarakat majmuk

7. Lelaki yang berbaring di _____ kedai itu menghalang laluan orang ramai.

- ☐ A kaki lima
- ☐ B buku lima
- ☐ C kaki meja
- ☐ D kaki bangku

8. Rantai leher yang dihasilkan oleh _____ itu sungguh halus dan berseni.

- ☐ A tukang tilik
- ☐ B tukang kayu
- ☐ C tukang emas
- ☐ D tukang rumah



9. Fadlul digelar _____ guru kelasnya kerana dia sangat disayangi oleh sebab kecemerlangannya dalam pelajaran.

- ☐ A puteri lilin
- ☐ B anak emas
- ☐ C bidan terjun
- ☐ D tulang belakang

10. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru disiplin memasuki kelas tersebut.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

11. Rumah di hujung kampung itu tidak berpenghuni lagi kerana _____nya telah meninggal dunia.

- ☐ A wali hakim
- ☐ B tuan rumah
- ☐ C kongsi gelap
- ☐ D nenek moyang

12. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pihak polis masih menjalankan _____ terhadap beberapa orang saksi sebelum melakukan penangkapan.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B temu bual
- ☐ C kaji selidik
- ☐ D soal siasat

13. Kilang membuat makanan itu terpaksa ditutup kerana pemiliknya telah _____ setelah menanggung hutang yang terlalu banyak.

- ☐ A tangan terbuka
- ☐ B makan angin
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D isi hati

14. Mereka masih bertegas hendak meneruskan pendakian ke _____ itu walaupun keadaan cuaca kurang baik.

☐ A rumah api
☐ B dasar laut
☐ C kerak bumi
☐ D puncak gunung

15. Johan pertandingan pidato itu menerima sebuah piala pusingan dan _____ bernilai lima ribu ringgit.

☐ A duti pecah
☐ B duti setem
☐ C wang saku
☐ D wang tunai

16. Salah satu cara untuk menyekat wabak denggi di kawasan perumahan ialah melalui _____.

☐ A pancuran air
☐ B simbahan air
☐ C kepulan asap
☐ D semburan kabus

17. Pasu bunga di sudut _____ rumah Puan Mariani itu dihadiahkan oleh rakannya dari Sarawak.

☐ A ruang tamu
☐ B ruang legar
☐ C ruang niaga
☐ D ruang angkasa

18. Pihak kerajaan akan _____ kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak universiti itu.

☐ A mengawal selia
☐ B mengenal pasti
☐ C menyusun atur
☐ D mereka letak

19. Saintis itu sedang membuat persiapan untuk sesi _____ bersama-sama dengan sebuah stesen televisyen terkenal.

☐ A janji temu
☐ B ulang kaji
☐ C temu duga
☐ D temu ramah

20. Angkasawan negara telah menjalankan _____ penghabluran protein semasa berada di angkasa lepas.

☐ A uji kaji
☐ B ulang kaji
☐ C kaji hayat
☐ D soal siasat